POLISI TIADA HADIAH
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Jabatan Pertanian **melarang** pegawai dan kakitangan terlibat dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah (hamper, diskaun, komisen dan lain-lain) daripada orang atau pihak (*supplier*, *contractor*, *vendor*, *service provider* dan lain-lain) yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan jabatan.

Ketidakpatuhan boleh menjuruskan kepada elemen kesalahan :

- Seksyen 165 Kanun Keseksaan
- Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
- Peraturan 4 (2) (b) dan (c) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
- Perkara 12 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998

Setiap penerimaan hadiah, pegawai dan kakitangan perlu **mengambil tindakan** mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 :

- Jika mengetahui atau boleh menghubungi pihak memberi hadiah :
  - Mengembalikan hadiah kepada pihak memberi hadiah melalui Ketua Jabatan/Pengarah;
  - Melengkapkan **Akuan Penerimaan Hadiah (Lampiran A)** dan mengemukakan kepada Unit Integriti untuk pemantauan.
- Jika pihak yang memberi hadiah tidak mahu menerima semula hadiah; atau
- Jika tidak mengetahui atau tidak boleh menghubungi pihak yang memberi hadiah :
  - Menyerahkan hadiah kepada Unit Integriti;
  - Melengkapkan **Akuan Penerimaan Hadiah (Lampiran A)** dan mengemukakan kepada Unit Integriti untuk keputusan Ketua Pengarah Pertanian.

- Jika pegawai atau kakitangan sukar menolak pemberian hadiah atas sebab akan memalukan pihak yang memberi hadiah atau menimbulkan keadaan serba salah yang melibatkan pemberian :
  - ✓ Nilai hadiah kurang daripada RM100.00;
  - ✓ Dalam bentuk lencana (*plaque*), *pennant*, barang kraftangan hasil jabatan, atau bahan cetak jabatan untuk tujuan promosi; atau
  - ✓ Dalam bentuk barang yang cepat rosak atau tidak tahan lama
  - Melaporkan penerimaan hadiah dengan melengkapkan dan mengemukakan **Laporan Penerimaan Hadiah (Lampiran B)** kepada Ketua Jabatan/Pengarah;
  - Mengemukakan salinan **Laporan Penerimaan Hadiah (Lampiran B)** kepada Unit Integriti untuk pemantauan.

Unit Integriti, Jabatan Pertanian
Wisma Tani, Aras 14,
No. 30, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 PUTRAJAYA
Tel : 03-88702485 / 3023 / 3131 / 3162 / 3165 / 3167 / 3171
Email : integriti@doa.gov.my